

Jenis Akhbar : Berita Harian

Tarikh : 27/06/2019

Edisi / Muka Surat : Johor / 63

Tajuk : ANGKASA optimis rekod perolehan RM1 bilion

ANGKASA optimis rekod perolehan RM1 bilion

[FOTO FARIZUL HAFIZ AWANG /BH]

Kuantan: Angkatan Koperasi Kebangsaan Berhad (ANGKASA) yakin dapat mencatat perolehan RM1 bilion susulan langkah kerajaan meneliti semula pelaksanaan inisiatif Program Barang Asas 100 (BA100) bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah, berkata ANGKASA bersama Kementerian Pembangunan Usahawan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani diberi tanggungjawab oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, bagi mencari jalan mengurangkan harga barangan keperluan asas dan peranan orang tengah.

"Perkara ini sudah dipersetujui semalam (kelmarin) selepas mesyuarat Majlis Tindakan Kos Sara Hidup (NACCOL) dipengerusikan Datuk Seri Dr Wan Azizah, jadi kita akan memastikan 100 kedai runcit di bawah ANGKASA dapat membantu menjayakan hasrat kerajaan ini.

"Bagi mengurangkan kos sara hidup pula, kita dapati ia boleh dilakukan dengan mengurangkan campur tangan orang tengah dan inilah peranan yang boleh dimainkan ANGKASA. Kita boleh menggantikan peranan mereka (orang tengah) memandangkan ANGKASA mempunyai lebih 3,000 kope-

rasi di seluruh negara ketika ini," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menghadiri Majlis Sambutan Aidilfitri Anjuran ANGKASA Zon 1, di sini, semalam.

Bangun aplikasi BARP

Abdul Fattah berkata, pihaknya sudah membelanjakan RM3 juta bagi membangunkan aplikasi Platform Peruncitan Barang Asas (BARP) yang kini boleh digunakan ahli koperasi dan orang ramai bagi membeli barangan keperluan asas di kedai runcit atau koperasi kendalian ANGKASA.

Katanya, melalui aplikasi itu, pelanggan bukan sahaja boleh menampah barangan yang ingin dibeli, pihak peniaga juga menyediakan perkhidmatan pembungkusan dan penghantaran kepada pelanggan.

"Aplikasi ini sama sahaja dengan perkhidmatan ditawarkan syarikat e-hailing lain, kita boleh buat tempahan dan pembayaran ketika penerimaan barangan atau dibayar secara pindahan wang (menerusi perbankan) internet.

"Kita percaya aplikasi ini dan pengenalan program BA100, ANGKASA dapat mencapai sasaran perolehan RM1 bilion tahun depan," katanya.



Abdul Fattah (tiga dari kanan) beramah mesra bersama tetamu pada sambutan jamuan Aidilfitri ANGKASA Negeri Pahang di Kuantan, semalam.